

**PERSPEKTIF GURU TERHADAP PENGLIBATAN MURID DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN SEMASA  
PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA**

**[TEACHER PERSPECTIVE OF STUDENT INVOLMENT IN ONLINE TEACHING  
AND LEARNING DURING THE COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA]**

NOR ASMAH ABDULLAH<sup>1\*</sup> & MUHAMMAD SYAWAL AMRAN<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Correspondent Email: P98387@siswa.ukm.edu.my

---

*Received: 13 September 2021*

*Accepted: 16 September 2021*

*Published: 17 September 2021*

---

**Abstrak:** Pandemik Covid-19 yang melanda dunia kini telah merubah situasi semasa, terutamanya sektor pendidikan. Ketidakstabilan kadar jangkitan wabak Covid-19 telah menyebabkan perubahan dalam pendidikan berlaku secara berkala mengikut keadaan semasa. Turut terkesan adalah sektor pendidikan dimana guru dan murid perlu mengadaptasi rutin baharu semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Keadaan ini memerlukan proses penyesuaian diri yang baik sama ada dalam kalangan pendidik mahupun murid. Tujuan kertas konsep ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap motivasi, tahap komitmen dan tahap penggunaan teknologi murid semasa pembelajaran dan pengajaran atas talian semasa pandemik COVID 19 dari perspektif guru. Kajian tinjauan berbentuk diskriptif menggunakan pendekatan kuantitatif agar dapat membantu memberikan input kepada guru, pihak pengurusan, murid dan ibu bapa agar dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian dapat dilaksanakan dengan baik.

**Kata kunci:** Pembelajaran dan pengajaran atas talian; motivasi; interaksi; pandemik Covid-19.

**Abstract:** The Covid-19 pandemic that has hit the world has now changed the current situation, especially the education sector. The unprecedented Covid-19 pandemic infection rate has caused changes in education periodically according to the current situations. Moreover, all the educational institutions were close where teachers and students were forced to adjust their established routines and concept of teaching and learning. This situations requires the process of adaptation both among educators and students. This concept paper aims to discuss teachers' perspectives on student involvement in virtual learning, student motivation, student interaction, and student skills in using technology. Descriptive survey research uses a quantitative approach to help provide input to teachers, management, students and parents in improving the effectiveness of the teaching and learning process at home to be implemented well. Overall, this study will provide input to the teachers, school management, and parents with supporting online learning during pandemic Covid-19. Moreover, it equipped the teachers to improve pedagogically and to deliver teaching in virtual learning.

**Keywords:** Online learning and teaching; motivation; interaction; pandemic Covid-19.

Nor Asmah Abdullah & Muhammad Syawal Amran. 2021. Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemi Covid-19 di Malaysia [Teacher Perspective of Student Involment in Online Teaching and Learning during The Covid-19 Pandemic in Malaysia]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 32-39.

## **PENGENALAN**

Pandemik Covid -19 yang melanda negara telah memberi impak besar kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan samaada peringkat rendah, menengah mahupun peringkat pengajian tinggi. Peningkatan kes Covid-19 telah memaksa semua sekolah di seluruh negara ditutup berikutan pihak kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa tempoh PKP akibat Penularan Jangkitan Covid -19 bertarikh 27 Mac 2020 bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas (Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah KPM, 2020). Bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini, guru-guru telah diarahkan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di Rumah (PdPr), sama ada secara dalam talian ataupun luar talian mengikut kesesuaian guru dan murid. Musibah yang melanda negara sedikit sebanyak telah memberi impak terhadap penggunaan pembelajaran atas talian.

Pelaksanaan PdP atas talian bukannya sesuatu yang mudah, apatah lagi situasi PKP belum pernah berlaku dalam sejarah Malaysia. Guru-guru perlu mengadaptasikan kaedah PdP masing-masing agar dapat menjamin keberkesanan PdP atas talian. Kajian ini juga diharapkan dapat melihat perspektif guru terhadap tahap motivasi murid, interaksi murid dan tahap penggunaan teknologi dari perspektif guru semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlaku.

## **PENYATAAN MASALAH**

### **Isu Motivasi Murid**

Masalah yang pertama ialah tahap motivasi dalam kalangan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian. Ramai ibu bapa yang amat sibuk dengan urusan hingga mereka kurang memberi sokongan dan dorongan menyebabkan tiada motivasi yang cukup untuk anak mereka meneruskan pembelajaran atas talian. Ibu bapa perlu bertanggungjawab atas pendidikan anak-anak dengan menyediakan keperluan untuk pembelajaran dalam talian serta sentiasa memotivasikan anak-anaknya untuk belajar.

Sikap yang negatif wujud terhadap pembelajaran dalam talian adalah kerana murid-murid masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu di mana mereka lebih mengutamakan PdP secara bersemuka (Mohd Radzi, 2020). Proses PdP menjadi kurang berkesan kerana murid kurang melibatkan diri dalam pembelajaran dalam talian. Oleh itu murid memerlukan motivasi agar mereka lebih bersemangat dan akan lebih bersedia dengan mengadaptasi norma baharu dalam proses pembelajaran mereka.

Kurangnya motivasi belajar, akan melemahkan kegiatan belajar kerana apabila mereka tiada motivasi menyebabkan tiada tujuan dalam mencapai sesuatu (Norazilawati, 2020). Oleh itu, motivasi menjadi antara isu yang perlu dilihat dan ditekankan bagi mengetahui keberkesanan pembelajaran atas talian seorang murid atau pelajar terutama dalam era pandemik Covid-19 semasa proses pembelajaran atas talian berlansung.

## Isu Interaksi Murid

Kurangnya interaksi antara guru dan murid boleh membantutkan keberkesanan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Masalah interaksi dan komunikasi yang sangat minimum akan menyebabkan guru tidak dapat mengetahui pemahaman atau pemasalahan yang dihadapi oleh murid atau pelajar tersebut. Kegagalan berinteraksi boleh menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian menjadi sia-sia.

Interaksi yang hanya berlaku secara alam maya juga selalunya tidak pasti kejujuran pemahamannya jika dibandingkan dengan secara bersemuka. Adab berinteraksi secara atas talian juga kadang kala disalahgunakan oleh murid. Ini kerana mereka merasakan apabila guru tiada di depan mata tindakan tidak akan diambil atau hanya hukuman yang kurang tegas. Oleh itu isu mengenai interaksi atau komunikasi dua hala antara murid dan guru semasa pengajaran dan pembelajaran atas talian perlulah diketengahkan. Hal ini kerana berdasarkan kajian yang dijalankan, penyelesaian bagi isu interaksi dua hala antara murid dan guru masih belum diterokai dengan secara meluas dan mendalam..

## Isu Penggunaan Teknologi

Selain itu, terdapat juga masalah penggunaan teknologi semasa sesi pembelajaran dan pengajaran atas talian. Mohd Fairuz et al., (2020) juga menyatakan bahawa murid mengalami masalah dari segi akses internet menyebabkan antara punca ramai murid yang ketinggalan. Kenyataan ini disokong oleh Berni et al., (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran secara atas talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas di setiap kawasan sama ada di bandar, luar bandar atau kawasan pedalaman.

Capaian rangkaian internet sering menjadi isu dalam pembelajaran secara atas talian (Shafie et al., 2020). Masalah kelajuan internet di kawasan kediaman terutama mereka yang tinggal di luar bandar (Rosli, 2020). Ini menjadi antara masalah dan halangan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dalam talian. Ada yang terpaksa pergi ke restoran yang mempunyai internet untuk mendapatkan capaian internet semasa pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Oleh itu, ini adalah satu cabaran yang besar buat para guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian kerana tidak semua murid mempunyai capaian internet yang baik di kawasan tempat tinggal mereka. Talian Internet yang lemah, masalah alat telekomunikasi dan sebagainya membantutkan proses pembelajaran mereka terutamanya murid dari pedalaman.

Menurut Suzlina Hilwani dan Jamaludin (2015), teknologi maklumat berfungsi sebagai nadi penggerak dalam mewujudkan perubahan positif yang boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran atas talian oleh guru. Kini, guru-guru juga boleh mewujudkan komunikasi dua hala melalui teknologi yang dengan menggunakan aplikasi seperti *Google Meet*, *Zoom*, dan sebagainya.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Motivasi Murid**

Motivasi belajar adalah variabel yang terdiri daripada dua perkataan iaitu motivasi dan belajar, yang keduanya memiliki erti tersendiri. Jika membahas mengenai motivasi, sering kali disamaertikan dengan kata motif. Sesuai dengan penelusuran pengkaji, motif dapat diertikan sebagai gerak atau sesuatu yang mendorong individu untuk bergerak. Menurut Slameto (2013) motivasi pula adalah suatu proses usaha untuk mendapatkan perubahan pada tingkah laku. Dengan demikian bermaksud, motivasi belajar adalah keseluruhan daya penggerak yang terletak di dalam diri setiap murid atau pelajar supaya tercapai hasratnya.

Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesannya. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan semasa proses pembelajaran. Motivasi juga akan memberikan dorongan untuk memastikan tindakan yang sepatutnya. Baik dari segi fizikal maupun mental, sesuatu aktiviti akan menjadi bahagian yang sangat penting apabila didorong oleh motivasi (Lee & Martin, 2017).

Menurut Nurmala et al., (2014) motivasi belajar ialah kecenderungan pelajar atau murid melaksanakan kegiatan belajar dengan keinginan untuk memperoleh hasil belajar yang terbaik. Motivasi belajar merangsang semangat belajar, begitu pula sebaliknya. Kurangnya motivasi belajar menurunkan semangat belajar, yang juga akan berpengaruh pada keputusannya.

Ini disokong juga dengan kajian Harandi (2015) yang menyatakan bahawa motivasi dianggap sebagai faktor penting untuk keberhasilan belajar termasuk belajar secara atas talian terutama murid yang mempunyai masalah pembelajaran atau murid yang kurang fokus. Dengan motivasi dan kata semangat diharap memberi tenaga atau semangat kepada murid tersebut agar menjadi lebih aktif. Berdasarkan alasan tersebut maka penting bagi para pengkaji dalam dunia pendidikan untuk mengkaji secara mendalam tentang bagaimana motivasi murid pada pembelajaran secara atas talian dilakukan terutama semasa pandemik Covid-19..

### **Interaksi Murid Dalam Talian**

Pembelajaran secara atas talian adalah interaksi dua hala antara pelajar dengan sistem dalam pembelajaran dengan bantuan komputer (Harlina, Zubaidah & Ainee, 2019). Menurut Norziah et al., (2017), tidak semua pelajar atau organisasi dapat menikmati kelebihan penggunaan e-pembelajaran ini. Hal ini kerana e-pembelajaran menuntut budaya belajar yang lebih efektif sehingga penggunaannya dapat memotivasikan pelajar untuk belajar.

Selain itu, kajian ini disokong lagi dengan kajian Surjono, Dwi dan Herman (2015), yang mengatakan bahawa e-pembelajaran dapat melahirkan sistem pembelajaran yang lebih fleksibel dan meluas. Justeru itu, pelajar akan menjadi lebih fleksibel untuk memilih waktu dan tempat belajar kerana mereka tidak perlu datang ke suatu tempat pada waktu tertentu.

Tak dan Chang (2015) mengatakan bahawa interaksi yang berjaya antara guru dan pelajar ini akan menentukan tingkah laku semasa proses pembelajaran dan pengajaran

berlangsung. Mereka menganggap interaksi ini sebagai suatu proses transaksi yang berterusan dan dapat membentuk tingkah laku interpersonal kedua-dua guru dan pelajar.

Apabila pengajaran atas talian berlaku murid bebas menentukan apa yang ingin dipelajari, berada di mana sahaja dan perlu bersedia untuk mencuba aktiviti dalam talian untuk berinteraksi dengan guru dan rakan-rakan (Baharuddin et al., 2020). Terdapat juga teori yang berpendapat, murid dapat mengawal proses pembelajaran dengan baik secara kolaboratif dan interaktif ketika pembelajaran atas talian.

## **Penggunaan Teknologi**

Penggunaan e-Pembelajaran (*E-Learning*) sememangnya lebih fleksibel di dalam pembelajaran secara maya. Menurut Abd. Kadir (2016), pembelajaran atas talian merupakan kaedah pembelajaran secara elektronik dan digital di mana guru dan pelajar tidak memerlukan komunikasi secara bersemuka. Pembelajaran atas talian dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting seiring dengan perkembangan dunia pendidikan yang serba canggih ini. Tambahan lagi, bahan pembelajaran juga lebih mudah untuk diakses dengan pantas di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu dan sempadan, malah ia juga mengandungi pelbagai sumber-sumber rujukan termasuk daya tarikan yang menarik dari segi penggunaan multimedia dan grafik.

Walaupun bagaimanapun, menurut kajian Briani et al., (2020) mendapati bahawa pembelajaran secara dalam talian bagi pelajar sekolah luar bandar adalah kurang berkesan kerana wujudnya kekangan ekonomi dari segi sarana dan prasarana. Kajian ini juga turut mendapati para pelajar tidak bersedia dari segi teknologi. Masalah teknologi ini termasuklah dari segi akses pencapaian internet dan juga kekurangan sumber maklumat mengenai aplikasi yang terbaru. Ia juga mungkin disebabkan situasi pembelajaran pelajar sekolah rendah adalah berbeza dengan pelajar peringkat tinggi di universiti, kolej dan sebagainya.

Ada juga beberapa kajian yang menunjukkan sikap positif pelajar terhadap penggunaan aplikasi sedia ada seperti WhatsApp dan juga Telegram. Mojtaba dan Mahsa (2018) mendapati bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran melalui WhatsApp jika dibandingkan dengan kaedah bersemuka. Kajian yang dijalankan oleh Siti, Maisurah, Zia dan Norazah (2014) menyatakan bahawa WhatsApp merupakan alat bantuan mengajar yang efektif di mana pelajar yang kurang aktif semasa pembelajaran bersemuka akan memberi tindak balas yang positif apabila menggunakan WhatsApp. Menurut Ahmad Zaki, et al., (2014), aplikasi atau perisian tertentu sama ada secara atas talian (*online*) atau tanpa talian (*offline*) merupakan salah satu bentuk teknologi atau boleh juga dikatakan sebagai satu produk yang dihasilkan oleh teknologi.

Terdapat kajian yang dijalankan oleh Lapada et al., (2020) bagi melihat kesediaan pembelajaran jarak jauh semasa pandemik Covid 19 di Filipina menunjukkan 99% responden bersedia untuk melaksanakan pembelajaran jarak jauh. Dapatan kajian mereka turut mendapati bahawa majoriti murid bersedia menggunakan aplikasi seperti *Youtube*, *Google Classrooms*, *Meet* serta *Zoom* sebagai aplikasi dalam melaksanakan pembelajaran jarak jauh. Kajian Khusuma et al., (2020) pula mendapati bahawa pendekatan pembelajaran dalam talian ini menjadi lebih bermakna apabila dilaksanakan semasa tempoh pandemik Covid-19 kerana teknologi yang semakin pelbagai dan lebih menarik.

## CADANGAN

Pelaksanaan PdPr atas talian merupakan satu cabaran untuk guru-guru dalam memenuhi tugas sebagai pendidik sepanjang pandemik Covid 19. Ramai guru berusaha menambahkan kemahiran bagi mengisi pengajaran sampai kepada murid-murid walaupun menghadapi pelbagai kekangan. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan pelaksanaan pembelajaran atas talian yang boleh dipraktikkan agar kelemahan yang didapati sekurang-kurangnya dapat diminimumkan.

Para guru diharapkan dapat memberi elemen sokongan dan motivasi semasa proses pembelajaran yang kondusif untuk mendapatkan hasil yang terbaik seiring dengan situasi terkini. Usaha guru dalam menyediakan pelbagai program dan aktiviti sangat penting untuk menarik minat murid dan menaikkan semula motivasi mereka semasa pengajaran dan pembelajaran atas talian. Guru juga perlu memberi maklum balas kepada hasil kerja pelajar supaya mereka terus bermotivasi untuk menyelesaikan tugas seterusnya. Pelajar juga diberi peluang untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas bagi membincangkan tugas dan pembelajaran. Lama-kelamaan, pelajar boleh berdikari untuk meneruskan pembelajaran dalam talian ini (Fatin Aliah Phang, 2020).

Aktiviti pembelajaran yang interaktif semasa menjalankan proses pembelajaran dalam talian akan mempelbagai kemahiran sosial murid contohnya seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir dan lain-lain lagi (Syahida, 2020). Oleh yang demikian, guru haruslah memainkan peranan dalam menyediakan pembelajaran dalam talian yang mengandungi aktiviti yang boleh meningkatkan kefahaman murid, bahkan juga boleh merangsang dan membina kemahiran sosial yang penting untuk mereka. Interaksi yang baik antara murid dan guru berupaya memupuk sikap yang positif terhadap pembelajaran dan seterusnya dapat memastikan kelangsungan kejayaan murid. Oleh itu penilaian terhadap pengajaran guru daripada sudut pandang murid adalah penting bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian lebih berkesan.

Selain daripada itu, guru juga boleh menerapkan elemen sosial dan kolaborasi semasa bertukar pendapat dengan menggunakan aplikasi forum dalam talian (Omni Alfina, 2020). Peluang untuk berbincang, berkongsi idea dan maklumat dan mengkritik secara kritis membolehkan murid untuk meningkatkan pembelajaran mereka (Azhar et al., 2017). Sebagai contoh, kajian yang dijalankan berkenaan perbincangan dengan menggunakan aplikasi *Group Whatsapp* telah menunjukkan peningkatan kepada pemahaman murid tentang sesuatu topik (Sri Seti Indriani & Ditha Prasanti, 2020). Pelbagai alat pembelajaran yang boleh diakses dan digunakan dalam talian dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian yang mampu memberikan manfaat kepada murid.

Disamping itu, terdapat juga banyak kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh guru-guru untuk memastikan penyampaian pengajaran yang berkesan. Antara kaedah yang dimaksudkan ialah kaedah perbincangan, projek, penyelesaian masalah, inkuiri penemuan, seminar, simulasi dan forum. Guru-guru berperanan untuk memilih kaedah PdPr yang dirasakan paling sesuai dan efektif supaya murid-murid mendapat manfaat yang optimum melalui PdPr yang dilaksanakan semasa pandemik Covid -19.

## KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 telah mengubah kehidupan masyarakat secara total. Perubahan keseluruhan sistem ekonomi dan sosial telah mencetuskan fenomena yang tidak pernah dijangkakan dan membentuk satu norma baru. Dalam aspek pendidikan, Covid-19 secara radikal telah mengubah arus perdana sistem pendidikan Malaysia daripada berbentuk konvensional kepada kaedah atas talian. Ia juga telah mengubah lanskap sistem pendidikan yang berteraskan sekolah dan bilik darjah kepada pembelajaran di rumah. Norma baharu dalam sistem pendidikan memperlihatkan keupayaan generasi muda iaitu murid lebih menguasai teknologi maklumat dan aplikasi-aplikasi sosial media dalam pembelajaran. Dalam masa yang sama, senario ini telah mencetuskan jurang digital bukan sahaja di antara golongan yang berkemampuan dan kurang mampu, juga antara generasi muda dengan generasi yang lebih tua. Sebagai kesimpulan, penyelidik berharap kajian ini dapat membantu para guru, ibu bapa, murid dan pihak sekolah untuk mempunyai perspektif atau tanggapan terhadap penglibatan anak murid mereka semasa PdPc secara atas talian dari segi tahap motivasi, interaksi dan penggunaan teknolog. Dengan mengetahui penglibatan murid semasa secara atas talian membolehkan pihak pentadbir, ibu bapa dan masyarakat mempunyai tingkah laku yang sesuai dengan situasi sekolah dan peribadi guru ke arah penambahbaikan PdPc secara atas talian semasa pandemik Covid-19. Dengan kata lain pandemik Covid-19 telah mencetuskan revolusi pendidikan di Malaysia. Pandemik Covid-19 juga telah menjadi sinergi terhadap usaha-usaha untuk mewujudkan masyarakat digital di negara ini.

## RUJUKAN

- Azizan, S. N. C., & Nasri, N. M. 2020. Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(Khas Covid-19): 46- 57.
- Azuara, S., Abidin, S. Z., & Hassan, Z. 2021. Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (e-Pembelajaran) terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 10(2): 1-14.
- Fatin Aliah Phang. 2020. Pembelajaran dalam talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. Newshub.<https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat>.
- Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T., & Soto, M. 2014. A federal higher education iPad mobile learning initiative: Triangulation of data to determine early effectiveness. *Innovative Higher Education* 39(1): 45-57.
- Hussein, Z. 2017. Leading to intention: The role of attitude in relation to technology acceptance model in e-learning. *Procedia Computer Science* 105: 159-164.
- Ismail, M. N. 2020. Cabaran kepimpinan dalam pengurusan pembelajaran digital. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*.
- Jenal, M. Z. 2017. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes Di Kolej Komuniti Kuala Langat dlm. *e-Proceeding Academic Paper ISSN*, 8, hal. 303-314
- Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia. 2011. Dasar E-Pembelajaran Negara Institusi Pengajian Tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi.

- Kramarae, C. 2001. *The Third Shift: Women Learning Online*. American Association of University Women Educational Foundation, 1111 Sixteenth St. NW, Washington, DC 20036.
- Kurniawan, R., Henderi, F. N., & Nursetianingsih, F. 2012. Penggunaan iPad Mendukung Pembelajaran pada Mahasiswa iLearning. *Creative Communication and Innovative Technology Journal* 30(3): 607-610.
- Kusuma, Z. L., & Subkhan, S. 2015. Pengaruh Motivasi Belajar dan Kedisiplinan Belajar terhadap Prestasi Belajar Mata Pelajaran Akuntansi Siswa Kelas XI IPS SMA N 3 Pati Tahun Pelajaran 2013/2014. *Economic Education Analysis Journal*: 4(1): 164-171.
- Lynch, M. M & Lapada. 2020. *The online educator: A guide to creating the virtual classroom*. t.tp.: Routledge.
- M Fadhil, YN Azwany, Najib MY. 2018. Translation, Cross-cultural Adaptation and Validation of System Usability Scale (Malay Version) Questionnaire for the Assessment of Mobile Application. *JMIR Human Factor* 2018 5(2): 1-9.
- Mahamod, Z., & Noor, N. A. M. 2011. Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastra Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11(3): 163-177.
- Mokhtar, S., Hamid, B. A., & Nazli, N. N. N. N. 2021. Kesiapan Penggunaan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Universiti Tenaga Nasional: Satu Tinjauan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1).
- Mokhtar, S., Hamid, B. A., & Nazli, N. N. N. N. 2021. Kesiapan Penggunaan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Universiti Tenaga Nasional: Satu Tinjauan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 161-172.
- Nawi, M. Z. M. 2020. Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education* 7(2): 14-26.
- Nurhasanah, N. D. 2016. Dinamika Motivasi Belajar Pada Siswa Mandiri di SMPN 10 Banda Aceh. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Bimbingan dan Konseling* 1(2): 73-79.
- Setyawati, V., & Subowo, S. 2018. Pengaruh Motivasi Belajar, Lingkungan Keluarga Dan Peran Guru Terhadap Disiplin Belajar Siswa. *Economic Education Analysis Journal* 7(1): 29-44.
- Sholeh, B., & Diah, H. S. 2018. Pengaruh Motivasi Belajar Dan Fasilitas Belajar Terhadap Prestasi Belajar IPS Siswa SMP Nurul Iman Parung Bogor Tahun Ajaran 2017/2018. *PEKOBIS Jurnal Pendidik* 1: 206-216
- Slameto. 2013. *Belajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya*. Jakarta: PT Rineka Cipta
- So, H. J., & Bonk, C. J. 2010. Examining the roles of blended learning approaches in computer-supported collaborative learning (CSCL) environments: A Delphi study. *Journal of Educational Technology & Society* 13(3): 189-200.
- Yusof, M. M. 2021. Tahap Kesiapan Pelajar Diploma Dalam Mengimplimentasikan Kaedah E-Pembelajaran Di Politeknik Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1(10): 53-63.
- Yusof, M. M., & Hassan, H. 2019. Kaedah e-pembelajaran semasa menjalani latihan industri dalam kalangan pelajar politeknik di Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1(6): 49-59.
- Yusof, M. N. M., & Tahir, Z. 2017. Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *e-BANGI Journal of Social Sciences and Humanities* 12(3): 1-10.
- Yusup, H. 2012. Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. Disertasi Doktor Falsafah. Asia e University.